

Manuskrip Kesultanan Melayu Buton Bertajuk *Tahsīn Al-Awlād Fī Ṭā‘at Rabb Al-‘Ibād*: Suatu Pengenalan Naskhah dan Kandungan

Manuscripts of the Malay Sultanate of Buton Entitled Tahsīn Al-Awlād fī Ṭā‘at Rabb Al-‘Ibād: An Introduction of Text and Content

Muhammad Naufal Mohd Najib^{1*}, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif² & Mohd Anuar Mamat³

^{1,2,3} Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Received: 16 October 2024

Accepted: 22 November 2024

Published: 30 November 2024

*Corresponding author:

Muhammad Naufal Mohd Najib, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia; Email: naufalnajib95@gmail.com

Abstrak: Buton adalah sebuah kepulauan yang terletak di kawasan pulau Sulawesi Tenggara, Indonesia yang pernah memiliki sebuah kesultanan Islam yang didirikan bermula pada abad ke-14 dan telah berakhir pada tahun 1960. Selama era pemerintahan kesultanan Buton, terdapat banyak karya-karya Islam yang dihasilkan oleh ulama' dalam kalangan rakyat jelata serta pemerintah. Namun, karya-karya tersebut masih berada dalam bentuk manuskrip yang belum dilakukan kajian secara terperinci. Salah sebuah karya dari Kesultanan Buton yang membincangkan tentang ilmu pengetahuan dalam bidang akhlak yang belum dikaji sepenuhnya ialah manuskrip bertajuk *Tahsīn al-Awlād fī Ṭā‘at Rabb al-‘Ibād*. Manuskrip ini adalah sebuah karya Sultān Muhammad Aydrūs Qā‘imuddīn al-Buṭūnī (d.1851M) iaitu seorang sultan dan ulama' tasawuf yang terkenal di Buton. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka dua perkara utama, iaitu aspek penaskhahan yang merangkumi kajian aspek kodikologi, deskripsi naskhah dan kepengarangan. Seterusnya, kajian diteruskan dengan analisis aspek isi kandungan yang merangkumi penjelasan tentang kandungan manuskrip dan perbandingan dengan manuskrip lain untuk mengenal pasti kepentingan manuskrip ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah kajian manuskrip dan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tokoh ilmuan Islam ini mempunyai ketinggian ilmu agama dan pemahaman yang mendalam terhadap ilmu Hadis dan tasawuf dizahirkan menerusi aspek penaskhahan dan isi kandungan yang berkait rapat dengan pendidikan akhlak dalam Islam dan manuskrip ini juga mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan sistem pendidikan akhlak dalam Islam di Alam Melayu.

Kata kunci: Buton, Manuskrip Melayu, Pendidikan Akhlak, *Tahsīn Al-Awlād*, Aydrūs Qā‘imuddīn.

Abstract: Buton is a name of place located in the island of Southeast Sulawesi, Indonesia in which Malay sultanate was established on the 14th century and ended in 1960. During the era of the Buton Sultanate, many Islamic works were produced by scholars among the citizen and ruler. Although, many of these works remain in manuscript form which have not been particularly studied yet. One of the manuscript from the Buton Sultanate which discusses on the knowledge of character education which is have not been studied yet is manuscripts entitled *Tahsīn al-Awlād fī Ṭā‘at Rabb al-‘Ibād*. This work written by Sultān Muhammad Aydrūs Qā‘imuddīn al-Buṭūnī (d.1851M), a sultan and sufi scholar in Buton. Thus, this study aims to explore two main aspects; namely the aspect of manuscript studies, which includes the study of codicology aspect,

manuscript description, and authorship. Next, the study will continue with an analysis of the content aspects, which includes an explanation of the manuscript's contents and a comparison with other manuscripts to identify the significance of this manuscript. This study employs qualitative methods, specifically manuscript study and content analysis. The findings show the supremacy of knowledge of this author and his deep understanding towards the knowledge of Hadith and Sufism which manifested through the aspects of manuscript study and content. Its relates to the character education in Islām. This manuscript is recognized as playing an important role in the development of moral education systems in the Malay world.

Keywords: Buton, Malay Manuscript, Character education, *Tahsīn Al-Awlād*, *Aydrūs Qā'imuddīn*;

Pengenalan

Sejarah penyebaran Islam di Alam Melayu dan proses Islamisasi yang berlaku sejak sekian lama dahulu telah mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan ilmuan daripada seluruh pelusok Nusantara sebagaimana yang dibuktikan melalui kajian serta penyelidikan yang diterbitkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini (Aljunied, 2013). Walau bagaimanapun, pakar sejarah tempatan mahupun luar negara tidak mencapai kesepakatan dalam penentuan tarikh sebenar kedatangan Islam ke rantau ini. Salah seorang pemikir serta ilmuan yang banyak menyumbang dalam kajian sejarah Islam di Tanah Melayu, iaitu Syed Muhammad Naquib al-Attas berpendapat bahawa proses Islamisasi di sesetengah kawasan dalam Alam Melayu telah pun berlaku seawal kurun ke-9 dan ke-10 Masihi. Beliau meletakkan titik tolak sejarah kedatangan dan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu adalah melalui pertemuan batu bersurat Terengganu (Al Attas, 2015). Buku yang ditulis oleh beliau yang berjudul "*The Correct Date of the Terengganu Inscription*" menjelaskan tentang tarikh sebenar wujudnya batu bersurat Terengganu iaitu pada 22 Februari 1303 yang menjadi bukti bahawa agama Islam telah lama tersebar di Tanah Melayu (Al Attas, 2015). Berdasarkan tarikh yang telah dibuktikan, sudah pasti proses penyebaran Islam telah berjalan lebih awal daripada tarikh yang terpahat pada batu bersurat tersebut kerana kandungan yang ditulis padanya mengandungi perundangan Islam yang dilaksanakan oleh masyarakat setempat pada ketika itu.

Kedatangan agama Islam ke Nusantara telah banyak mengubah masyarakat pada ketika itu sama ada daripada aspek bahasa, pemikiran, budaya dan intelektualisme. Disebabkan berlakunya penyebaran agama Islam, masyarakat Melayu dapat mengenal huruf yang membolehkan mereka untuk membaca dan menulis melalui kemunculan tulisan Jawi yang wujud hasil daripada kedatangan Islam. Menurut Ab. Razak (2013), sebelum berlakunya penyebaran Islam ke Alam Melayu,

budaya menulis dalam kalangan masyarakat setempat tidak wujud sebagaimana setelah agama Islam bertapak di sini. Masyarakat Islam pada zaman dahulu mempunyai kefahaman yang mendalam tentang agama Islam berdasarkan penghasilan karya-karya ilmiah dalam bidang akidah, fikah dan tasawuf yang dijadikan sebagai bahan pengajian oleh masyarakat setempat. Penulisan yang dihasilkan oleh para ulama' tempatan telah memberikan sumbangan kepada generasi yang seterusnya agar mendapat manfaat daripadanya. Sumbangan daripada tokoh-tokoh ilmuan tempatan yang berbentuk penulisan telah diwarisi oleh generasi seterusnya dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Arab, bahasa Wolio (bahasa tempatan di Buton) dan bahasa Jawa. Antara tokoh ilmuan tempatan terawal yang terkenal adalah seperti Sheikh Hamzah Faṣṣūri, Syeikh Nūruddīn al-Rānīri, Sheikh Abdul Rāuf al-Singkel, Sheikh Ahmad al-Faṭāni dan Sheikh Daud al-Faṭāni yang berasal dari Indonesia dan Thailand.

Sejarah Ringkas Kesultanan Islam Melayu-Buton

Di sebelah timur Indonesia, terdapat sebuah pulau yang diberi nama Buton. Buton adalah sebuah kepulauan yang terletak di kawasan pulau Sulawesi Tenggara, Indonesia. Pemerintahan di Buton diterajui oleh Raja sehinggalah tersebar Islam ke negeri tersebut melalui Ternate pada pertengahan abad ke-16 (Rukiyah, 2017). Kedatangan pendakwah Islam dari Patani, Thailand yang dikenali sebagai Sheikh Abdul Wahid ke kepulauan Buton adalah untuk menyebarkan agama Islam kepada masyarakat Buton seterusnya menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi di negeri tersebut (Ali Rosdin, 2014). Raja pada masa itu adalah Raja La Kilaponto yang juga dikenali sebagai Sultan Murhum Kaimuddin Khalifatul Khamis (1541-1587). Beliau adalah Sultan Buton yang pertama setelah terdirinya Kesultanan Buton. Proses islamisasi berlaku pada masa itu yang membawa kepada perubahan dalam setiap aspek kepada negeri Buton (Ali Rosdin, 2014).

Buton mempunyai ramai tokoh ilmuan Islam yang terkenal dalam usaha memberi sumbangan kepada penyebaran ilmu Islam kepada masyarakat tempatan. Antara tokoh Islam terkenal dari Buton yang dijadikan fokus utama dalam kajian ini adalah Syeikh Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn al-Butūnī. Beliau merupakan seorang Sultan Buton yang ke-29 dan menjadi pemerintah bagi negeri tersebut. Beliau dilahirkan pada akhir abad ke-18, sekitar tahun 1784 Masihi dan menjadi Sultan Buton pada tahun 1824 Masihi pada umur 40 tahun (Husnul Fahimah, 2014). Beliau menjadi Sultan Buton selepas ayahnya, iaitu Sultan Muhammad Anharuddin yang memerintah negeri Buton pada 1822-1823 Masihi. Pada masa yang sama, Syeikh Muhammad Aydrūs turut dikenali sebagai ulama' tasawuf dan banyak menghasilkan penulisan tentang agama Islam khususnya dalam bidang tasawuf. Kebanyakan karyanya ditulis dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Wolio (bahasa tempatan di Buton). Beliau melalui proses pembelajarannya tentang agama Islam ketika masih kecil yang diperolehi dari datuknya, dikenali sebagai Sultan La Jampi yang memerintah pada 1763-1788 Masihi (Basrin Melamba, 2014).

Justeru, makalah ini akan membincangkan salah satu manuskrip yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn al-Butūnī berkaitan pendidikan akhlak yang dinamakan sebagai "*Tahsīn al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād*". Kajian ini bertujuan untuk meneroka dua perkara utama, iaitu aspek penaskhahan yang merangkumi kajian aspek kodikologi, deskripsi naskhah dan kepengarangan. Seterusnya, kajian diteruskan dengan analisis aspek isi kandungan yang merangkumi penjelasan tentang kandungan manuskrip dan perbandingan dengan manuskrip lain untuk mengenal pasti kedudukan manuskrip ini.

Latar Belakang Dan Kepengarangan Bagi Manuskrip *Tahsīn Al-Awlād Fī Tā'at Rabb Al-'Ibād*

Manuskrip *Tahsīn al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād* adalah teks yang dibincangkan dalam makalah ini adalah merujuk kepada sebuah manuskrip tunggal (*codex unicus*) yang ada secara fizikalnya di bawah penyimpanan peribadi di Kepulauan Buton, Sulawesi Tenggara, Indonesia. Bagi kajian ini, pengkaji tidak mempunyai akses bagi mendapatkan manuskrip tersebut secara fizikal kerana ia di bawah penyimpanan peribadi. Oleh itu, kajian ini dilakukan bersumberkan manuskrip yang berbentuk digital, yang mana telah dibuat pendigitalan oleh Perpustakaan British yang bernombor EAP212/2/26, dan ianya di akses menerusi laman sesawang Perpustakaan British, dalam koleksi *Endangered Archives Programme (EAP)*. Program Arkib

Terancam atau dalam bahasa English, *Endangered Archives Programme (EAP)* adalah satu program yang menjalankan usaha pendigitalan arkib di seluruh dunia yang berada dalam bahaya dari aspek kemusnahan, pengabaian atau kerosakan fizikal (British Library, n.d).


Dapatan kajian menunjukkan bahawa manuskrip ini tidak pernah dikaji secara terperinci dan mendalam dari segi isi kandungan, kepengarangan dan kaedah penulisan, dan bahkan tidak terkenal dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Walhal, manuskrip ini mempunyai kepentingannya tersendiri yang boleh menyumbangkan dalam pembangunan keperibadian masyarakat di Alam Melayu sebagaimana yang akan dibincangkan di bawah. Berdasarkan kajian yang lepas, penulis mempunyai banyak karya yang ditulis pada masa hidup beliau dan ada sebilangan karyanya telah dilakukan kajian *tahqīq* dan *syarḥ* oleh pengkaji antaranya adalah kitab *Dhiyā al-Anwār fī Tashfīyah al-Akdār*, *Mu'nisah al-Qulūb fī Dzīkr wa Musyāhadah 'Allām al-Ghuyūb*, *Kasyf al-Hijāb fī Murāqabah al-Wahhāb*, *Mushbāh al-Rājīn fī Dzīkr al-Shalāh wa al-Salām 'alā al-Nabī Syafī' al-Mudznibīn*. Akan tetapi, manuskrip *Tahsīn Al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād* tidak ada pengkaji yang melakukan kajian *tahqīq* ataupun *syarḥ* terhadapnya secara terperinci. Seperti mana telah disebut di atas, kebanyakan karya penulisan Syeikh Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn ditulis dalam bahasa Arab, akan tetapi ada juga dalam bahasa Wolio dan bahasa Melayu. Begitu juga kitab *Tahsīn Al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād*, ia ditulis dalam bahasa Arab yang mana boleh dikategorikan sebagai bahasa elit yang khusus ditulis untuk orang yang tertentu pada zaman itu. Berdasarkan kajian lepas, kerajaan Buton menggunakan tiga bahasa rasmi iaitu bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Wolio (Ali Rosdin, 2015).

Penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi kerajaan Buton umumnya lebih tua yakni semasa abad ke-17, akan tetapi penggunaan bahasa Wolio lebih terkemudian yakni pada sekitar abad ke-19. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Wolio sebagai bahasa rasmi kerajaan Buton adalah untuk menzahirkan jati diri bangsa Buton dan menjadi lambang kebangsaan dan lambang kebanggaan bangsa mereka (La Niampe, 2011). Faktor penggunaan bahasa dalam penulisan dalam kalangan ilmuan di sana juga bergantung kepada bidang penulisan itu sendiri. Secara umumnya, bahasa Arab hanya digunakan dalam penulisan yang berkaitan dengan agama Islam seperti naskhah-naskhah agama yang di tulis oleh Syeikh Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn sebagaimana yang telah disebut di atas. Bahasa Melayu digunakan dalam berbagai jenis penulisan seperti naskhah Undang-Undang Buton, naskhah sejarah, naskhah salasilah, naskhah surat-surat, naskhah perubatan Tradisional dan

berbagai lagi. Bahasa Wolio pula digunakan dalam berbagai jenis naskhah seperti naskhah keagamaan; Bula Malino, naskhah undang-undang atau hukum adat; Sarana wolio dan naskhah surat-surat; Surat sultan Buton ditunjukkan kepada Lakina Kulisusu (La Niampe, 2011).

Daripada aspek fizikal, manuskrip ini terdiri daripada 86 halaman yang bersaiz 16 cm x 10 cm. Halaman 1 hingga halaman 85 bertulis, akan tetapi halaman 86 sahaja yang tidak bertulis. Ianya ditulis di atas helaian kertas Eropah yang berwarna putih kekuningan. Keadaan dari segi fizikal helaian kertas Eropah itu berada dalam keadaan yang baik, walaupun helaian untuk setiap halaman manuskrip itu agak rapuh dan lembap akan tetapi ia tidak memberikan kerosakan kepada teks dan struktur tulisan dalam manuskrip tersebut yang mana masih lagi boleh dibaca dan digunakan. Walau bagaimanapun, pada setiap halaman manuskrip itu tidak mempunyai bilangan muka surat dan bilangan baris ayat pada setiap halaman adalah di antara 16 – 17 baris dan tulisan yang digunakan oleh penulis adalah kemas dan selaras. Teks ini ditulis menggunakan dakwat hitam hampir pada kesemua halaman, akan tetapi dakwat merah juga digunakan oleh penulis pada frasa atau perkataan yang tertentu bagi tujuan yang tertentu sahaja. Sebagai contoh adalah perkataan: *Wabihi Nasta'in* (*وبه*


Gambar 1. Halaman 1



ووعن) *Qālallāhu Ta'ālā* (قال الله تعالى), *Wa'an* (وعن), *Rawāhu* (رواه), *Wal Khabar* (والخبر), *Waruwiya* (وروي), *Wa 'Alaika* (وعليك), *Wa Kāna* (وكان), *Allāhumma* (اللهم). Selain itu, penggunaan kata penarik (*catchword*) juga digunakan dalam teks ini pada bahagian penjuror kiri bawah halaman verso.

Penelitian terhadap aspek kepengarangan pula, nama penulis manuskrip ini dinyatakan di halaman yang pertama berserta dengan judul manuskrip ini. Nama penulis yang dinyatakan adalah Al-'Abd Al-Faqīr Al-Haqīr Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn Ibn Al-Faqīr Badaruddīn al-Buṭūnī. Beliau merupakan tokoh ilmuan Islam yang terkenal dari Buton, dan beliau adalah Sultan Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn al-Buṭūnī yakni pemerintah bagi negeri Buton dan juga dikenali sebagai ahli sufi. Beliau dilahirkan pada akhir abad ke-18 Masihi. Beliau dilantik sebagai sultan pada tahun 1824 Masihi. Sultan Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn al-Buṭūnī menjadi sultan selepas ayahandanya, iaitu Sultan Muhammad Anharuddīn. Sultan Muhammad Aydrūs Qā'imuddīn al-Buṭūnī, sultan Buton yang ke-29 (Basrin, 2014). Gambar manuskrip di bawah menunjukkan halaman yang menyatakan maklumat seperti yang disebut di atas.

Gambar 2. Halaman 85



ISI KANDUNGAN DAN KAEDAH PENULISAN MANUSKRIP TAHSĪN AL-AWLĀD FĪ TĀ'AT RABB AL-'IBĀD

Secara umumnya, dari aspek isi kandungan manuskrip *Tahsīn al-Awlād Fī Tā'at Rabb al-'Ibād* ini, ia berkisarkan tentang bagaimana cara berbuat baik kepada kedua ibu bapa berpandukan daripada al-Quran dan Hadis (Aydrūs Qā'imuddīn, n.d). Hal ini dinyatakan pada halaman pertama teks:

"هذه رسالة في بر الوالدين وعقوق الوالدين"

"Ini suatu risalah pada menyatakan berbuat baik kepada ibu bapa dan derhaka kepada ibu bapa"

Penulis menyatakan tujuan penulisannya kepada pembaca pada awal penulisan supaya dapat memberikan gambaran secara menyeluruh tentang apa yang hendak dibicarakan oleh penulis. Namun, berdasarkan kajian dan pemerhatian yang teliti, dapat dirumuskan bahawa teks ini ditulis bertujuan untuk memberikan panduan tentang bagaimana cara untuk membina dan membentuk sebuah keperibadian seorang insan untuk menjadi insan

yang sempurna (*Insān Kamīl*). Penerangan umum sebagaimana yang telah dinyatakan di atas adalah sebagai gambaran ringkas kepada pembaca sebelum meneliti akan perbincangan manuskrip ini di bawah.

Analisis awal isi kandungan manuskrip ini mendapati bahawa teks *Tahsīn al-Awlād Fī Tā'at Rabb al-'Ibād* adalah sebuah naskhah yang mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dan Hadis daripada Nabi Muhammad SAW beserta beberapa pandangan daripada ilmunan besar Islam. Berdasarkan penelitian, sebanyak 83 ayat al-Quran dan 142 matan Hadis yang terkumpul di dalam teks tersebut. Teks ini dimulai dengan pendahuluan dan mempunyai 16 fasal yang pada setiapnya membahaskan perkara yang berbeza. Berdasarkan fasal-fasal yang terkandung di dalam teks ini, pengkaji telah mengenalpasti bahawa 16 fasal yang dibahaskan oleh penulis ini boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu amalan zahir dan amalan batin. Antara fasal yang dikategorikan sebagai amalan zahir adalah fasal 4, 5, 6, 7, 8, 16, dan bagi amalan batin pula adalah fasal 1, 2, 3, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15. Perincian bagi topik perbahasan bagi setiap fasal boleh rujuk pada jadual 1 sebagaimana dinyatakan di bawah.

Jadual 1. Pengkategorian fasal di dalam manuskrip *Tahsīn al-Awlād Fī Tā'at Rabb al-'Ibād*

Amalan batin	Amalan zahir
Fasal 1: Berpegang dengan Al-Quran dan As Sunnah dan berpegang dengan keduanya dan merujuk kepadanya didalam setiap urusan engkau hal keadaan menjunjung perintah Allah <i>Taala</i> dan Rasul.	Fasal 4: Menuntut ilmu yang bermanfaat.
Fasal 2: Memperbaiki niat dan mengikhlaskannya dalam segala perkara maka sesungguhnya niat itu adalah asas amalan.	Fasal 5: Memperbanyakkan zikir kepada Allah <i>Taala</i> pada malam engkau dan siang engkau.
Fasal 3: Memperbaiki diri ruhani sehingga ianya menjadi lebih baik daripada luaran engkau.	Fasal 6: Lama dan banyakkan duduk dalam masjid dengan niat iktikaf maka sesungguhnya masjid itu rumah Allah <i>Taala</i> .
Fasal 9: Bertafakkur pada kebesaran makhluk Allah <i>Taala</i> .	Fasal 7: Bersegera dalam kebajikan dengan bersungguh sungguh tanpa ragu-ragu
Fasal 10: Mendekatkan dengan Allah <i>Taala</i> dalam pergerakan, diam, detik, kelakuan, lintasan, kehendak dan sekalian ahwal dan berusaha untuk merasai kedekatannya dengan engkau.	Fasal 8: Istiqomah
Fasal 11: Tawakkal dalam segala perkara.	Fasal 16: Memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW pada setiap siang dan malam lebih-lebih lagi pada hari jumaat dan malamnya.
Fasal 12: Sabar, Syukur, Redha	
Fasal 13: Takut dan Menangis kerna takut Allah <i>Taala</i> .	
Fasal 14: Pengharapan dan sangka baik dengan Allah <i>Taala</i> .	
Fasal 15: Bertaubat daripada semua dosa kecil dan besar dan	

melazimi istighfar pada pagi dan petang.	
--	--

Manusia memiliki hakikat ganda atau dwi-hakikat (*dual nature*), ia adalah jiwa dan raga, ia adalah suatu diri jasmani dan roh sekaligus (15:29; 23:12-14) (al Attas, 2020). Allah SWT telah mencipta manusia sebagai satu kewujudan yang mempunyai dwi-hakikat, iaitu jasmani sebagai raga dan ruhani adalah jiwa (al Attas, 2015). Sepertimana yang telah maklum bahawa amalan keagamaan dikenali dalam dua bentuk, iaitu amalan zahir dan batin. Justeru, pengkategorian topik di dalam manuskrip ini kepada dua kategori, iaitu amalan zahir dan amalan batin, yang mana keduanya berkait rapat dengan hakikat kejadian manusia. Kesempurnaan manusia adalah ketika mana pengendalian yang berkesan yang dilakukan oleh diri 'aqali (*rational soul*) ke atas diri haiwani (*animal soul*). Justeru, keadaan inilah yang akan membawa kepada kestabilan diri rohani dan jasmani seseorang Muslim.

Amalan zahir dan amalan batin adalah berkait di antara satu sama lain, dan kemungkinan untuk hal-hal berkaitan pengamalan dalam agama harus melibatkan kedua-dua amalan zahir dan amalan batin tersebut. Sebagai contoh, amalan zahir seperti menuntut ilmu yang bermanfaat dan benar mesti serentak diamalkan dengan kesabaran, niat yang benar, berharap (*rajā'*) dan tawakkal. Justeru, ini adalah sebab penulis manuskrip ini menitikberatkan amalan zahir dan batin terhadap manusia yang hakikatnya memiliki dwi-hakikat (*dual nature*). Perbincangan penulis dalam karyanya tentang amalan zahir dan batin adalah suatu pendekatan yang boleh mencapai tujuan dalam memahami pengamalan Islam kerana pengamalan seseorang Muslim memerlukan *mujāhadah* yang tinggi dalam melawan nafsu diri. Jika tidak, pengamalannya hanyalah sia-sia kerana Islam adalah agama *mujāhadah* (al-Ghazali, 1873).

Penulis memulakan karya ini dengan menyatakan "*Bismillāh al-Rahmān al-Rahīm*" di halaman yang pertama dan diikuti dengan pujian kepada Allah *Taalā* dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya. Setelah itu, penulis menyatakan nama beliau sebagai pengarang kitab dan tujuan penulisan beliau. Penulis juga menyatakan tajuk bagi teks yang di tulisnya. Berdasarkan kaedah penulisan dalam pengenalan teks ini menunjukkan bahawa penulis mengikut tradisi Islam dalam menulis yang mana menjadi suatu penelitian bagi tokoh ilmunan Islam yang sebenar, bahawa mereka akan meletakkan lapan benda penting dalam pengenalan sesebuah penulisan. Lapan benda itu adalah dimulakan dengan bismillah (*basmallah*), alhamdulillah (*hamdalah*), selawat dan salam, dua kalimah syahadah (*shahādatain*), *ammā*

ba'd, *barā'ah al-istihlāl*, nama tajuk dan nama penulis (Al-Ahdal, n.d).

Pada setiap topik, penulis menyatakan topik perbincangannya dan diikuti beberapa ayat al-Quran dan Hadis yang berfungsi sebagai dalil serta sumber yang memberi sokongan terhadap topik yang dibahaskan oleh penulis. Selain itu, ada beberapa topik yang menyatakan perkataan dan pendapat daripada tokoh ilmunan Islam yang lain seperti yang disebut di dalam teks itu adalah Abdullah al-Haddād *Rahimahullah Ta'ālā*, al-Jārīr *Rahimahullah Ta'ālā*, Zū al-Nūn *Rahimahullah Ta'ālā*, al-Murta'ash *Rahimahullah Ta'ālā*, Ibn 'Aṭā' *Rahimahullah Ta'ālā*. Dapat dilihat di sini bahawa penulis mementingkan dalam berpandukan kepada sumber ilmu yang benar dalam Islam, lebih lebih lagi dalam aspek penulisan.

Keputusan Manuskrip *Tahsīn Al-Awlād Fī Tā'at Rabb Al-'Ibād* Dalam Karya Pendidikan Akhlak Di Alam Melayu

Kewujudan Islam di Nusantara telah membentuk budaya dan pengamalan kehidupan masyarakat Melayu melalui pengaruh karya-karya Islam yang memberikan panduan hidup kepada manusia sejagat. Kemunculan karya-karya agama yang membincangkan tentang hal-hal asasi dan dasar dalam Islam dapat menanamkan adab dan tatasusila yang tinggi dalam pemikiran serta amalan masyarakat Melayu (Wan Mohd Nor, 2019). Proses penyebaran Islam di Nusantara berlaku secara meluas sehinggakan banyak karya agama yang dihasilkan oleh ulama' Nusantara yang bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan tentang agama Islam (Suhaila Zailani & Nurul Wardah, 2015). Namun, masih banyak manuskrip Melayu yang tidak dilakukan kajian dan boleh mendatangkan risiko kerosakan, pengabaian dan kemusnahan kepada manuskrip itu sendiri. Berdasarkan kajian, setakat ini hanya kira-kira 30% sahaja daripada sejumlah kira-kira 20,000 manuskrip Melayu yang terdapat di seluruh dunia telah dikaji dengan mendalam dan teliti (Asmak & Fatimah, 2013). Oleh kerana agama Islam itu sendiri yang membina dan membentuk budaya serta akhlak individu muslim, maka ajaran Islam sangat mementingkan ilmu dan pendidikan. Atas kesedaran dan kefahaman ini, masyarakat Melayu yang terdahulu banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang ilmu (Mohd Anuar Mamat, 2017). Karya-karya dalam bidang pendidikan Islam banyak dihasilkan oleh para ilmunan Alam Melayu yang boleh dilihat di dalam katalog deskriptif manuskrip Melayu yang diterbitkan oleh Pusat Kebangsaan Manuskrip

Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (Mohd Anuar Mamat, 2017).

Justeru, kajian terhadap manuskrip ini menjadi suatu tanggungjawab dan penting untuk dijalankan kerana manuskrip *Tahsīn Al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād* mempunyai nilai ilmiah yang tinggi serta memainkan peranan penting dalam perkembangan dan pembangunan pendidikan masyarakat di Buton. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis memfokuskan karya ini bagi pembelajaran dan pembacaan untuk peringkat bangsawan iaitu golongan yang berada dalam lingkungan istana sahaja dan bukan kepada masyarakat biasa. Hal ini dapat dibuktikan melalui sistem pemerintahan mereka yang di adaptasi daripada martabat yang terdapat dalam konsep *Martabat Tujuh*. Tujuh martabat dalam konsep tersebut telah diadaptasi sebagai penyusunan hierarki struktur pemerintahan kesultanan Buton. Contoh penstrukturan pemerintahan Sara Ogena atau Sara Wolio tersebut diambil atas teladan martabat ketuhanan (Nurullah, Nur Muhammad, dan Nur Adam) serta contoh atas penjabaran martabat kehambaan/kemanusiaan melalui pemahaman proses kejadian manusia (Nutfah, Alqah, Mudgah, Manusia). Kedua martabat tersebutlah yang dijadikan contoh atau teladan dalam menyusun struktur pemerintahan Sara Ogena/Wolio (tingkatan atau pangkat-pangkat pembesar kesultanan) (Athar, 2009).

Selain itu, faktor penggunaan bahasa Arab dalam manuskrip tersebut juga berkait rapat dengan tujuan dan sasaran golongan pembaca. Masyarakat pada masa itu tidak ramai yang mempunyai kelebihan dalam memahami bahasa yang selain daripada bahasa tempatan mereka iaitu bahasa Wolio dan Melayu Jawa. Hanya sesetengah golongan sahaja yang mempunyai kelebihan dalam memahami bahasa Arab pada zaman itu. Kepelbagaian dalam penulisan naskhah dari segi bahasa adalah disebabkan oleh faktor asal usul kelompok pendatang dan penduduk asli Buton, bahawa pendiri Buton ini berasal dari beragam suku bangsa, kebudayaan, bahasa dan dapat dilihat dari beragam ciri-ciri fizikal masyarakatnya (Athar, 2009). Disebabkan faktor-faktor tersebut, manuskrip ini tidak begitu terkenal dan hampir tidak dikenali oleh golongan masyarakat yang berada pada martabat peringkat bawah yang hidup ketika itu bahkan kepada masyarakat yang terkemudian. Hal ini terjadi kerana pemfokusan penulisan manuskrip ini adalah terhad yang

dikhususkan hanya kepada peringkat bangsawan sahaja dan berkemungkinan masyarakat biasa tidak mempunyai akses untuk mendapatkan manuskrip ini bagi tujuan pembelajaran mereka. Oleh itu, manuskrip *Tahsīn Al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād* ini tidak popular dan kurang mendapat perhatian daripada sebahagian pengkaji. Walaupun begitu, perkara ini tidak boleh dijadikan sebagai alasan utama untuk tidak melakukan sebarang kajian terhadap manuskrip ini. Justeru, dapat dilihat bahawa pemfokusan penulisan manuskrip ini sangat terhad tetapi isi kandungan dan nilai yang ada di dalamnya sangat luas dan mempunyai peranan penting serta kedudukan yang signifikan dalam bidang pendidikan Islam.

Manuskrip *Tahsīn al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād* adalah sebuah manuskrip yang membahaskan pendidikan akhlak bagi seorang muslim. Antara ilmuwan Islam terkenal yang menghasilkan karya dalam bidang ini adalah seperti Ibn Jamā'ah, kitab *Tazkīrat As-Samī' wal Mutakallīm*, al-Imām Abu Hanīfah, kitab *Al-'Alīm wa al-Muta'allīm*, al-Farābi, kitab *al-Tanbih*, al-Miskawāyih, kitab *Tahdhib*, al-Ghazālī, kitab *Ihyā' 'Ulūmuddīn*, Fakhr al-Dīn al-Rāzi, kitab *Akhlāq*, al-Zarnūji, kitab *Ta'lim Al Muta'allīm Tariq At Ta'allum*, al-Tūsi, and al-Dawwāni, kitab *Akhlāq* (Omar, M.N, 2003).

Di Alam Melayu, terdapat juga karya dalam bidang pendidikan akhlak yang digunakan oleh madrasah, pusat pengajian dan pondok yang menjadi rujukan utama dalam pembinaan sahsiah dan akhlak pelajar. Antaranya adalah *Ayyuhal Walad*, *Pelita Penuntut*, *Bab al-Ādāb* and *Tibyān al-Marām*. Empat karya ini dipilih oleh kerana kepentingan dan peranannya pada masa kini dan wajar dibandingkan dengan manuskrip *Tahsīn Al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād*. Justeru, pemilihan karya ini dilakukan bergantung kepada kewajaran dan kerelevanan sesebuah karya itu untuk dilakukan perbandingan karya. Aspek aspek yang dipertimbangkan dalam perbandingan karya ini adalah termasuk dengan pemerhatian dari aspek isi kandungan, tujuan penulisan dan sasaran penulisan yakni pembaca. Dapatan akhir bagi perbandingan ini dengan manuskrip *Tahsīn Al-Awlād* dapat mengenal pasti kepentingan manuskrip ini dalam bidang pendidikan akhlak di Alam Melayu. Jadual 2 di bawah menunjukkan perbandingan secara umum dari aspek isi kandungan antara karya-karya yang dipilih dengan manuskrip *Tahsīn Al-Awlād*.

Jadual 2. Perbandingan Karya Karya Pendidikan Akhlak Di Alam Melayu



Ayyuhal Walad adalah sebuah karya dari Imam Al-Ghazali yang terkandung dua puluh lima nasihat yang murni dan memberikan manfaat yang akan membawa perubahan kepada diri insani. Karya ini mempunyai banyak terjemahan dalam bahasa Melayu yang dijadikan rujukan utama pelajar di Alam Melayu. Tempat yang menjadikan kitab ini sebagai rujukan utama adalah di madrasah, *pondok* dan pusat pengajian agama. Karya ini ditulis bertujuan untuk memberikan nasihat kepada penuntut ilmu dari setiap aspek bagi mencapai tujuan menuntut ilmu Allah swt. Imam Al-Ghazali menggunakan kata kata yang indah dan lembut dalam penulisannya agar nasihat yang disampaikan memberi kesan kepada pembaca, antaranya penulis memulakan nasihatnya seperti “*أيها الولد*” yang bermaksud “*Wahai anakku*”. Kaedah penulisan ini juga diterapkan oleh Sheikh Muhammad ‘Aydrūs Qā’imuddīn al-Buṭūnī dalam kitabnya seperti, “*وعليك يا ولدي*” yang bermaksud “*Dan ke atasmu wahai anakku*”. Penggunaan perkataan *anakku* disini membawa dua maksud; pertama, merujuk kepada kanak-kanak, kedua, merujuk kepada pemula dalam menuntut ilmu. Selain itu, Imam Ghazali memulakan penulisannya dengan memberikan nasihat pertama tentang “*Waktu itu ialah*

kehidupan”, yang mana kunci bagi kejayaan seorang Muslim dan penuntut ilmu ialah menghabiskan waktu melakukan perkara berfaedah. Berbeza pula dengan manuskrip *Tahsīn Al-Awlād*, yang mana penulis mulakan dengan saranan berbuat baik kepada ibubapa di dalam pendahuluan dan fasal yang pertama membincangkan tentang berpegang kepada al-Quran dan As-Sunnah “*وعليك يا ولدي بالتمسك بالكتاب والسنة*”. Pemerhatian terhadap perbezaan di awal penulisan *Ayyuhal Walad* dan *Tahsīn Al-Awlād* ini adalah dipengaruhi oleh pemfokusan penulis dalam penulisan mereka.

Pelita Penuntut pula ditulis Muhammad Syafi‘ie Bin Abdullah Bin Muhammad Bin Ahmad Rangkul Linggih Al-Faṭānī yang merupakan sebuah terjemahan dari *Ta’lim al-Muta’allim Tariq at-Ta’allum* ditulis oleh al-Zarnuji. Karya ini membahaskan tentang pendidikan akhlak dan adab-adab yang perlu ada bagi setiap orang yang menuntut ilmu yang benar. Tujuan penulisan karya ini jelas ditujukan kepada penuntut ilmu yang benar lihat kepada tajuk dan isi kandungan kitab ini. Kitab ini mempunyai tiga belas fasal yang mana pada setiap fasal penulis memetik beberapa ayat al-Quran dan Hadis, dan juga pandangan ulama’ di dalam setiap perbahasannya.

Kaedah penulisannya seakan dengan manuskrip *Tahsīn Al-Awlād* yang mana memetik ayat al-Quran dan Hadis bagi menyokong topik perbahasannya, Antara perbahasannya adalah menyatakan tentang hakikat ilmu, niat dan kesungguhan dalam menuntut ilmu, pemilihan guru yang betul dan sebagainya. Kepentingan dan peranan karya ini sangat besar dalam memberi manfaat dan sumbangan kepada Masyarakat di Alam Melayu sejak dahulu lagi. Penterjemahan dan pengadaptasian karya ini melonjakkan penggunaan dan kemasyhuran sebagai teks pengajian pondok dan madrasah. Perkara ini menjadikan kitab *Pelita Penuntut* juga menjadi rujukan utama bagi madrasah, pondok dan pusat pengajian agama di Alam Melayu (Muhammad Mustaqim, 2020).

Bāb al-Ādāb pula berasal dari manuskrip asli (MSS 2906A) koleksi Perpustakaan Negara Malaysia karangan Muntajib sebagai sebuah karya yang telah ditransliterasi oleh pengkaji (Muhammad Mustaqim, 2018). Kitab ini juga memiliki perbincangan yang sama dengan kitab *Ta'lim al-Muta'allim* dari al-Zarnuji iaitu perbincangan adab-adab yang dikhususkan kepada penuntut ilmu sahaja. Format penulisan kitab ini turut berbeza dengan *Tahsīn al-Awlād*, *Pelita Penuntut*, *Ayyuhal Walad* dan *Tibyān al-Marām* di mana kitab *Bāb al-Ādāb* ditulis dalam bentuk syair dan tidak terdapat petikan ayat al-Quran dan Hadis. Karya ini mempunyai 36 bait syair dan dikarang dalam bahasa Arab, disertai dengan penerangan maknanya dalam bahasa Melayu. Ia menjadi panduan asas bagi penuntut ilmu pada permulaan pengajian mereka. Tujuan penulisannya fokus kepada penuntut ilmu, lihat kepada isi kandungan nazamnya seperti perbincangan pertama mengenai adab dan tanggungjawab pelajar dan teknik belajar. Oleh itu, sasaran pembaca bagi karya ini lebih terfokus yakni hanya kepada penuntut ilmu sahaja. Karya ini juga lebih ringkas perbahasannya berbanding dengan kitab *Pelita Penuntut* dan karya yang lain.

Tibyān al-Marām adalah karya yang terawal di Alam Melayu yang membincangkan tentang adab dan kaedah menuntut ilmu yang benar menerusi terjemahan, rumusan dan adaptasi daripada tiga penulis, iaitu al-Zarnuji, al-Kashgharī dan al-Shar'abī (Muhammad Mustaqim, 2020). Karya ini membahaskan tentang konsep ilmu yang asas yakni kepentingannya, definisi, faedah dan sebagainya. Dan juga perbincangan tentang adab dengan ilmu, tahap keikhlasan dan niat yang sebenar dalam menuntut ilmu. Menurut Muhammad Mustaqim (2020), *Ṭalibah al-Ṭalabah* adalah karangan al-Kashgharī manakala syarahnya oleh al-Shar'abī yang merupakan sumber rujukan kepada kitab *Tibyān al-Marām*. *Ṭalibah al-Ṭalabah* dan syarahnya juga merupakan salah satu rujukan utama penulisan kitab *Bāb al-Ādāb*. Perkara ini jelas disebut oleh

pengarangnya. Dalam hal ini, adanya kesinambungan dan kaitan dari aspek rujukan di antara karya *Tibyān al-Marām* dan *Bāb al-Ādāb*.

Manakala *Tahsīn al-Awlād fī Tā'at Rabb al-'Ibād* pula tidak membincangkan perihal akhlak guru dan murid secara jelas seperti karya yang lain, akan tetapi perbincangannya lebih memfokuskan topik seperti *istiqāmah*, *shukr*, *khauf*, *riḍā*, *rajā'* dan lain-lain. Pendekatan yang dibawa oleh penulis menunjukkan kebijaksanaannya dalam menyampaikan ilmu pengetahuan secara holistik. Perkara ini dapat dilihat melalui cara gaya penulisannya dan isi kandungan yang disusun mengikut topik perbincangan. Ini menjadikan manuskrip ini boleh dirujuk oleh semua lapisan masyarakat tanpa tertentu untuk guru dan murid sahaja. Walaupun telah dibincangkan di atas bahawa manuskrip ini terhad kepada golongan bangsawan sahaja, akan tetapi kepentingannya besar dalam memberi manfaat dan sumbangan kepada masyarakat di Alam Melayu. Selain itu, penyusunan topik di dalam manuskrip ini memudahkan pembaca untuk dibaca dan dirujuk. Sebagai contoh, topik empat yang membahaskan tajuk berkenaan menuntut ilmu yang benar dengan dimulakan ayat al-Quran dan Hadis yang berkaitan dengan topik. Jadi, pendekatan ini memudahkan pembaca untuk meneliti topik yang menjadi keperluannya masa itu.

Berdasarkan tajuk manuskrip ini, ianya jelas menunjukkan bahawa penulisan ini ditulis untuk kanak-kanak (*al-Awlād*). Seperti yang telah disebut di atas, penggunaan perkataan (*al-Awlād*) membawa dua maksud; pertama, merujuk kepada kanak-kanak, kedua, merujuk kepada pemula dalam menuntut ilmu. Hal ini sama seperti penggunaan (*al-Awlād*) oleh Imam Al-Ghazali di dalam kitabnya *Ayyuhal Walad*. Kesimpulannya bahawa manuskrip ini adalah dikarang untuk pembangunan akhlak kanak-kanak sebagai faktor sasaran utama. Akan tetapi isi kandungannya menyeluruh kepada semua golongan dalam pembinaan dan pembangunan akhlak yang baik. Karya ini merupakan sebuah karya yang mempunyai kepentingan dan bermanfaat kepada masyarakat dalam membantu pembinaan dan pembentukan akhlak diri insani yang mana ianya berpandukan al-Quran dan Hadis.

Kesimpulan

Pengaruh pemikir Islam dalam pelbagai lapangan ilmu pengetahuan seperti agama, falsafah, perubatan, astronomi, sejarah dan kajian masyarakat, matematik dan lain-lain amat ketara, dan telah memberikan sumbangan yang besar kepada kemajuan manusia (Wan Mohd Nor, 2019). Tokoh-tokoh Islam meninggalkan banyak karya-karya agama Islam kepada masyarakat selepasnya agar di ambil manfaat dan pengajaran

daripadanya. Penulisan mereka dapat mencerminkan dengan se jelas mungkin akan pencapaian akal dan ilmu orang Melayu ketika itu (Muhammad Farid, 2021). Kajian manuskrip *Tahsīn al-Awālād fī Tā'at Rabb al-'Ibād* ini adalah suatu usaha yang baik apabila dilihat kepada pengaruh dan kepentingannya kepada masyarakat yang dapat memberikan sumbangan yang besar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tokoh ilmuan Islam ini mempunyai ketinggian ilmu agama dan pemahaman yang mendalam terhadap ilmu Hadis dan tasawuf dizahirkan menerusi aspek pernaknahan dan isi kandungan. Lihat kepada isi kandungannya, manuskrip ini membahaskan tentang pembinaan dan panduan kepada manusia dalam pendidikan akhlak seorang Insan melalui pendekatan tasawuf, seterusnya melahirkan seorang insan yang sempurna (*Insān Kāmil*). Kepentingan dan peranan manuskrip ini kepada masyarakat dibuktikan melalui perbandingan dengan beberapa karya lain yang membahaskan bidang yang sama iaitu tentang pendidikan akhlak dan adab. Dalam sistem pendidikan bagi sesebuah institusi haruslah memberikan penelitian yang serius tentang pendidikan akhlak yang mana mestilah diketengahkan agar menjadi satu silibus yang wajib agar setiap diri seorang insan telah terdidiknya akhlak yang baik dalam Islam. Pendidikan akhlak yang baik berlandaskan ajaran Islam dapat membentuk diri manusia agar mentaati perintah Allah *Taala* dan berhubungan baik sesama manusia. Asas pendidikan adalah mendidik akhlak diri itu sendiri.

Rujukan

- Ab Razak Ab Karim. (2013). Manuskrip-Manuskrip Melayu: Pemancar Gemerlapan Tamadun Kota Aceh dan Buton. *Jurnal Filologi Melayu*, 20, 59-71.
- Al-Ahdal, Muhammad. n.d. *al-Kawākib al-Durriyyah*. Matbaah Bin Halabi.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2020). *Islam Dan Sekularisme; Terjemahan*. RZS-CASIS & HAKIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2011). *Historical Fact and Fiction*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2015). *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu*. Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS), UTM & Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM).
- Ali Rosdin. (2014). Buton, Islamization, and this Manuscripts Tradition. *International Journal of Nusantara Islam*, 2(2), 101 – 116.
- Ali Rosdin (2015). Buton dan Tradisi Pernaskahan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(1), 45 – 57.
- Aljunied, Syed Muhd Khairudin. (2013). Rescuing History from the Orientalists: Syed Muhammad Naquib al-Attas and the History of Islam in the Malay World. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 6, 1-20.
- Al-Ghazali, Mohammed. 1873. *The Alchemy of Happiness*. Albany N.Y.J. Munsell.
- Asmak Hj. Ali, Fatimah Hj Salleh & Che Zaharah Abdullah. (2013). *Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal*. Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan. (pp. 228-237).
- Azmah Abdul Manaf. (2005). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Basrin Melamba, & Wa Ode Siti Hafsah. (2014). Ijtihad Sultan Muhammad Idrus Kaimuddin Ibnu Badaruddin Al Buthuni (1824-1851): Akulturasi Islām dengan Budaya di Kesultanan Buton. *el Harakah*, 16(1), 22-50.
- British Library. (n.d). *Tahsin Al-Aulad fi Ta'at Raab al-Ibad*, British Library, EAP212/2/26, <https://eap.bl.uk/archive-file/EAP212-2-26>
- Husnul Fahimah Ilyas & Falah Sabirin. (2014). Muhammad Idrus Bin Badruddin Al-Butuni Track Record. *WALASUJI*, 5(2), 355-366.
- Oman Fathurahman. (2015). *Filologi Indonesia: Teori dan Metode*. Prenadamedia Group.
- Omar, M.N. (2003). *Christian and Muslim Ethics*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Anuar Mamat. (2017). Manuskrip Melayu Dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal Di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 61-83.
- Muhammad Athar Hasimin. (2009). Pengaruh Nilai-Nilai Tasawuf Dalam Tata Negara Adat (Studi Konstitusi Murtabat Tujuh Kesultanan Buton). (pp. 152-153).
- Muhammad Farid Wajdi. (2021). Pengaruh Kitab Fiqh Jawi di Alam Melayu: Pengenalan Terhadap Manuskrip Arkān al-Ṣolāt MSS4601(A). *Sains Insani* 2021, 6(1), 1-10.
- Muhammad Mustaqim. et al. (2018). Bab al-Adab (MS 2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi

Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar. *Jurnal Filologi Melayu*, 25, 134.

Muhammad Mustaqim. et al. (2020). *Petua Menuntut Ilmu*. Perpustakaan Negara Malaysia.

Rukiyah. (2017). Sistem Pemerintahan Kerajaan Buton dalam Naskhah Istiadat Tanah Negeri Buton. *ANUVA*. 1(2). (pp. 111-118).

Niampe, La. (2011). Bahasa Wolio Di Kerajaan Buton. *Linguistika: Buletin Ilmiah Program Magister Linguistik Universitas Udayana*, 8, 1-15.

Suhaila Zailani & Nurul Wardah. (2015). Kegiatan Terjemahan Ulama Melayu Nusantara Abad ke 16-19 Masihi Menurut Perspektif Sarjana Melayu Semasa. *International Journal of West Asian Studies*, 7(1), 12-23.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah Masa Kini*. CASIS HAKIM.

Wong, F. H. K. (1972). *Perspectives: The Development of Education in Malaya and Singapore*. Heinemann Educational Books (Asia Ltd.).